

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	13/12/2018

Najib, Arul Kanda mengaku tak salah

BH-13/12/2018 m/s: 2

[FOTO SAIRIEN NAFIS/BH]

➔ Mahkamah benarkan ikat jamin RM500,000 setiap seorang

Oleh Murni Wan Omar dan Hidir Ruedi Abdul Rashid
cnews@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Arul Kanda Kandasamy, dituduh secara berasingan berhubung kes meminda Laporan Akhir Pengauditan 1MDB sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negara (PAC).

Ini adalah kali kelima Najib dihadapkan ke mahkamah atas pelbagai tuduhan, manakala Arul Kanda kali pertama.

Najib, 65, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas tuduhan menggunakan kedudukannya sebagai Perdana Menteri mengarahkan supaya Laporan Akhir Pengauditan 1MDB yang sedang disediakan dipinda sebelum ia dimuktamadkan dan dibentangkan kepada PAC bagi melindungi diri daripada dikenakan tindakan tatatertib, sivil atau jenayah berhubung syarikat pelaburan itu.

Beliau didakwa melakukan perbuatan itu di Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Pusat Pentadbi-

ran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya di antara 22 Februari 2016 dan 26 Februari 2016.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Penjara maksimum 20 tahun

Bagi perbuatan itu hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 atau mengikut mana-mana yang lebih tinggi dikenakan jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Seri Gopal Sri Ram dan Ahmad Akram Gharib manakala Najib diwakili peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah.

Mahkamah kemudian membenarkan Najib diikat jamin RM500,000 dengan seorang penjamin, manakala sebutan semula kes pada 4 Januari depan.

Najib mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Azura Alwi.

Hakim menetapkan ikat jamin RM500,000 selepas mendengar hujah pendakwaan dan pembealaan.

Gopal Sri Ram memohon ikat jamin RM1 juta, tetapi dibantah oleh Mohd Shafee yang meminta wang jaminan untuk pertuduhan sebelum ini berjumlah RM5.5 juta diguna pakai dalam kes semalam.

Terdahulu, Najib yang memakai sut biru gelap ditemani anaknya Mohd Ashman tiba di mahkamah



Najib keluar dari Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam.

jam 8.35 pagi dan beredar jam 12.12 tengah hari dan bersalaman dengan kira-kira 50 penyokong yang menunggu.

Di Mahkamah Sesyen berasingan, Arul Kanda, 41, pula dituduh bersubahat dalam perlakuan kesalahan oleh Najib iaitu sebagai pegawai badan awam iaitu Perdana Menteri menggunakan jawatan beliau untuk mendapatkan suapan bagi diri beliau sendiri.

Ini adalah bagi perlindungan daripada tindakan yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah dengan mengarahkan laporan akhir pengauditan 1MDB yang sedang disediakan dipinda sebelum laporan berkenaan dimuktamadkan dan dibentangkan kepada PAC.

Arul Kanda didakwa melakukan perbuatan itu di Kompleks Jabatan Perdana Menteri Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya antara 22 Februari 2016 dan 26 Februari 2016.

Mohon dibicara

Bagi perbuatan itu tertuduh didakwa mengikut Seksyen 28(1)(c) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan dibaca bersama Seksyen 23(1) dan Seksyen 24(1) akta yang sama.

Beliau mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan di hadapan Hakim Rozina Ayob.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan den-

da tidak kurang daripada lima kali ganda atau nilai suapan, atau RM10,000 atau mana-mana lebih tinggi.

Pendakwaan dilakukan oleh Gopal Sri Ram dan Ahmad Akram manakala tertuduh diwakili peguam, Datuk N Sivananthan.

Mahkamah memerintahkan tertuduh membayar ikat jamin RM500,000 semalam dan pasport diserahkan kepada mahkamah, manakala 4 Januari ditetapkan untuk sebutan semula.

Terdahulu, Sivananthan memohon mahkamah membenarkan anak guamnya membayar ikat jamin secara berperingkat, bagaimanapun mahkamah menolak permohonan itu.